

Kaji semula syarat visa rakyat Asia Barat

BT 13/3/19 - mesy (socio)

Kebimbangan Malaysia terhadap ancaman perjuang penganas asing mula memuncak selepas serangan 11 September 2011 membabitkan New York dan Washington, yang turut menyaksikan seluruh dunia akan terkena tempiasnya.

Susulan tragedi itu kerajaan mula meningkatkan operasi anti-keganasan, selain perkembangan serantau yang menyaksikan pengaruh Jemaah Islamiyah (JI) ketika itu semakin menular dengan hebat dan mempengaruhi penduduk di negara ini.

Sejak itu, pengaruh ekstremis dilihat cukup mudah menular dalam masyarakat kita hingga ke hari ini. Ditambah ledakan media sosial menjadikan kumpulan yang terpengaruh dengan jihad dari Asia Barat ini, mampu menyebarkan ideologi dengan lebih cepat dan meluas terutama untuk meraih simpati golongan muda.

Namun tidak ada ruang dan peluang mudah diberikan kepada mereka untuk menyusup masuk negara ini. Terkini kejayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengumumkan kemasukan penganas



Norhafzan Jaafar

hafzan@bh.com.my

asing yang dikesan cuba menjadikan Malaysia destinasi transit dan pangkalan logistik, menunjukkan betapa serius negara menentang kegiatan pelampau ini.

Pangkalan serang negara ketiga

Paling dibimbangi kehadiran kumpulan militan ini boleh menjadikan Malaysia sebagai pangkalan untuk menyerang negara ketiga atau melancarkan serangan dalam negara sendiri.

Tidak dinafikan Malaysia memiliki undang-undang berkaitan keganasan yang disifatkan antara terbaik dunia dalam usaha menyekat ancaman keganasan pada peringkat awal.

Itu yang pernah disuarakan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Antipenganas (E8) Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob

Khan Mydin Pitchay, pada Persidangan Keselamatan di Tempat Awam dan Anti-Keganasan (SUMMIT APPAC) di ibu negara, tahun lalu.

Kemampuan kaedah risikan mantap PDRM dibuktikan menerusi beberapa kejayaan pasukan keselamatan negara mematahkan cubaan serangan atau rancangan penganas membabitkan kumpulan tertentu dari dalam dan luar negara.

Antara undang-undang digubal untuk melindungi negara dari pada ancaman itu, termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas), Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara, Akta Pencegahan Keganasan dan Akta Majlis Keselamatan Negara.

Hasilnya, laporan Indeks Keganasan Global (GTI) 2018 oleh Institut Ekonomi dan Keamanan di Australia meletakkan Malaysia di tempat ke-70 dari 138 negara, berbanding kedudukan ke-60 pada tahun sebelumnya, yang berisiko dari segi ancaman keganasan.

Walaupun Malaysia masih disifatkan laporan itu sebagai penyumbang kepada apa yang di-

namakan sebagai 'gelombang kedua keganasan Islam' menerusi kumpulan pemisah dan gerakan Negara Islam (IS), kedudukan terkini adalah yang terbaik.

GTI pada 2015 pernah meletakkan Malaysia di tangga ke-49 berisiko tinggi dari segi ancaman keganasan.

Menariknya pendedahan terkini sumber polis juga menunjukkan majoriti ahli kumpulan penganas asing yang menyusup masuk ke negara ini menyamar sebagai pelancong asing.

Tujuh daripada sembilan tangkapan terkini pihak polis bertujuan ancaman pejuang penganas asing adalah membabitkan warga Asia Barat.

Masuk Malaysia tanpa visa

Kemudahan memasuki negara ini tanpa visa menjadi faktor utama Malaysia menjadi destinasi transit dan pangkalan logistik ahli kumpulan penganas asing terbabit untuk memudahkan pergerakan.

Perkara sama turut diakui Profesor di National War College di Washington, Dr Zachary Abuza, yang mengkaji isu keselamatan dan politik Asia Tenggara.

Menurutnya, kumpulan penganas asing memilih Malaysia disebabkan tiada keperluan visa bagi negara dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Rekod juga menunjukkan tidak banyak penahanan dibuat membabitkan rakyat asing yang terbabit dalam kegiatan keganasan di negara ini, menyebabkan ramai mengambil kesempatan atas alasan itu kerana berasakan Malaysia paling selamat untuk menjalankan aktiviti terbabit.

Kabinet Malaysia pada 2016 pernah menolak cadangan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memperkenalkan keperluan visa bagi rakyat Asia Barat yang memasuki negara ini.

Cadangan disuarakan Setiausaha MKN ketika itu, Datuk Seri Alias Ahmad, antara lain bertujuan mengekang kemasukan kumpulan militan IS ke negara ini.

Melihatkan perkembangan terkini, mungkin syor berkenaan perlu dipertimbangkan semula oleh kerajaan hari ini. Ia bukan sahaja mengelak ancaman kehadiran penganas asing, tetapi juga demi memastikan keselamatan negara lebih terjamin.